

KULIAH ZOHOR

“Menuduh Hendaklah Dengan Bukti”

Masjid Maarof | 18 Julai 2018

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadith

عَنِ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ، أَنَّ امْرَأَتَيْنِ، كَانَتَا تَخْرِزَانِ فِي بَيْتٍ - أَوْ فِي الْحُجْرَةِ -
فَخَرَجَتْ إِحْدَاهُمَا وَقَدْ أُتِفِدَ بِإِسْفَى فِي كَفِّهَا، فَادَّعَتْ عَلَى الْأُخْرَى، فَرَفَعَ إِلَى
ابْنِ عَبَّاسٍ، فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " لَوْ
يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ لَذَهَبَ دِمَاءُ قَوْمٍ وَأَمْوَالُهُمْ "

- Ibn Abbas r.a berkata, “Ada dua wanita yang bekerja menjahit kulit di satu rumah. Salah seorang dari mereka keluar setelah mencucuk jarum di tapak tangan yang satu lagi. Lalu membuat dakwaan ke atas wanita berkenaan (yang mencucuk). Perkara itu dibawa kepada Ibn Abbas. Ibn Abbas berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Jika semua aduan orang diterima begitu sahaja, pasti akan hilang harta dan darah orang lain.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَمِعَ جَلْبَةَ خَضَمِ بَبَابِ حُجْرَتِهِ فَخَرَجَ إِلَيْهِمْ فَقَالَ " إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ
وَإِنَّهُ يَأْتِينِي الْخَضَمُ فَلَعَلَّ بَعْضَهُمْ أَنْ يَكُونَ أَبْلَغَ مِنْ بَعْضٍ فَأَحْسِبُ أَنَّهُ صَادِقٌ
فَأَقْضِي لَهُ فَمَنْ قَضَيْتُ لَهُ بِحَقِّ مُسْلِمٍ فَإِنَّمَا هِيَ قِطْعَةٌ مِنَ النَّارِ فَلْيَحْمِلْهَا أَوْ
يَذَرْهَا " .

- Umm Salamah, isteri Nabi s.a.w berkata Rasulullah s.a.w mendengar suara pertengkaran di muka pintu biliknya lalu beliau keluar kepada mereka dan bersabda, “Sesungguhnya aku seorang manusia, dan kadangkala dua orang yang berbalah datang kepadaku, mungkin yang satu lebih petah dari lawannya dalam berhujah, sehingga aku kira dialah yang benar dan aku memenangkannya. Maka siapa yang aku menangkan dengan mengambil hak seorang Muslim, maka itu bagaikan mendapat potongan api neraka yang aku berikan kepadanya, terserah kepadanya samada hendak mengambil atau menolaknya.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Pengajaran Hadith

1. Prinsip mendengar hujah kedua belah pihak sebelum membuat apa-apa keputusan atau kesimpulan dalam sesuatu isu atau perkara.
2. Membuat hukum atau kesimpulan dalam sesuatu perkara tanpa mendengar penjelasan dari pihak yang lain atau memberi peluang untuk yang lain berhujah adalah satu kesalahan dan kezaliman
 - jauhi tabiat dan sikap sedemikian
 - keadilan tidak boleh ditegakkan dengan cara yang zalim.

3. Berhukum hendaklah berdasarkan bukti yang ada
 - tidak boleh berhukum atau membuat kesimpulan berdasarkan spekulasi atau andaian.
4. Rasulullah tetap berhukum dengan cara sedemikian, walaupun kemungkinan hukum atau kesimpulan yang dibuat itu salah kerana pihak yang dimenangkan adalah seorang yang pandai berhujah dan berdebat.
5. Bukan satu kecelaan jika berlaku kesilapan dalam berhukum atau membuat kesimpulan kerana berpegang dengan hujah yang zahir atau bukti yang ada
 - jangan kerana bimbang untuk melakukan kesilapan menyebabkan seorang menggunakan cara-cara yang tidak benar dalam menentukan kebenaran.

6. Hak yang diperolehi kerana petah berhujah dan berdebat, bukan kerana kebenaran, akan merupakan azab
 - ibarat telah diberi sebahagian dari api neraka
 - jangan terlalu berbangga dan bergembira apabila menang dalam berhujah dan berdebat kerana ia tidak bermakna seseorang itu benar atau mulia di sisi Allah taala.

7. Beringat bahawa manusia boleh diperdaya dengan kepetahan lidah tetapi Allah taala maha mengetahui dan Dia adalah sebaik-baik hakim.

KULIAH ZOHOR

“Jika Mendakwa Sesuatu, Bawalah Hujah”

Masjid Maarof | 18 Julai 2018

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadith

أَنَّ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

الْبَيِّنَةُ عَلَى الْمُدَّعِي، وَالْيَمِينُ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ

- Rasulullah s.a.w bersabda

“Keterangan dan bukti adalah tanggungjawab sesiapa yang mendakwa dan sumpah adalah ke atas sesiapa yang mengingkari dakwaan.” (Riwayat Al-Baihaqi)

Pengajaran Hadith

1. Prinsip bagi sesiapa jua yang mendakwa sesuatu.
 - bukan hanya relevan dalam konteks perbicaraan di mahkamah tetapi juga relevan dalam konteks menegakkan sesuatu hujah
 - sesiapa jua yang mengemukakan sesuatu teori, pandangan, hujah, tuduhan, dakwaan dan lain-lain, ke atas dia beban membuktikan kesemua itu, bukan ke atas pihak yang tidak bersetuju dengan teori, pandangan atau hujahnya.
2. Bukan ke atas pihak yang dituduh membuktikan tuduhan ke atasnya salah.

3. Dakwah tidak memberi lesen untuk seseorang bertanggung jawab bahwa kata-katanya adalah benar.

4. Sesuatu pandangan, idea, teori dan dakwaan tertegak atas hujah dan bukti.
 - dengan hujah dan bukti juga sesuatu itu ditolak dan dibatalkan
 - selama mana sesuatu bukti tidak dibatalkan, idea yang dibina atasnya akan terus tertegak
 - mempertikaikan atau mempersoalkan sesuatu idea tidak memadai untuk menolak atau membatalkan idea berkenaan.

5. Dalam perkara yang jatuh dalam kaedah “Asal sesuatu perkara itu halal kecuali ada dalil yang mengharamkannya”, maka bukan tanggungjawab utama pihak yang melakukan perkara itu untuk mengemukakan bukti keharusan tindakannya
 - menjadi tanggungjawab pihak yang menolak perkara itu untuk membuktikan perkara itu salah dan haram.

6. Tidak bermakna seseorang bermudah-mudah dalam tindakannya
 - komitmen terhadap agama sepatutnya mendorong seorang pendakwah untuk menyelidiki samada di sana ada dalil yang mengharamkan sesuatu tindakan sebelum melakukannya dan tidak berpada hanya dengan berpegang pada kaedah yang dinyatakan di atas.

6. Apabila masing-masing pihak telah mengemukakan hujah dan bukti bagi idea masing-masing
- adakalanya sesuatu idea gugur kerana hujahnya dikalahkan oleh idea yang lain.
 - kadangkala kedu-dua idea berkenaan tetap tertegak kerana setiap satu tidak kuat untuk membatalkan yang lain
 - dapat dilihat dalam banyak pandangan para ulama dahulu dalam pelbagai isu
 - > dua pihak berhujah tetapi pandangan kedu-duanya dapat diterima
 - > terbuka kepada sesiapa sahaja untuk berpegang dengan pandangan mana-mana pihak berkenaan.

- Dalam hal ini kaedah fiqh ada mengatakan “Sesuatu ijtihad tidak terbatal oleh sesuatu ijtihad yang lain”
 - sesuatu idea yang diasaskan atas bukti-bukti yang tidak bersifat absolut dari segi kebenarannya tidak membatalkan idea yang berdasarkan bukti-bukti yang sama.